

MAHATHIR-BELI

1985

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGAJAK PENDUDUK MALAYSIA MEMBELI BARANGAN BUATAN TEMPATAN YANG BUKAN SAHAJA AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN JANGKA PANJANG KEPADA MEREKA TETAPI JUGA MEMBANTU USAHA MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN.

PERDANA MENTERI YAKIN DENGAN KESANGGUPAN RAKYAT MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA, NEGARA AKAN BERTAMBAH SEJAHTERA DAN MAJU, DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN BERMUTU, MENGURANGKAN ALIRAN KELUAR TUKARAN ASING DAN MENGUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA BAGI MELAKSANAKAN LEBIH BANYAK PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK PENDUDUK.

+DENGAN ITU KITA MESTILAH SANGGUP BERKORBAN DALAM JANGKA MASA PENDEK. PENGORBANAN INI MUNGKIN DALAM KONTEKS HARGA YANG TINGGI SEDIKIT BAGI SESUATU JENIS BARANGAN TEMPATAN,+ TAMBAHNYA DALAM UCAPANNYA SEMASA PELANCARAN KEMPEN +BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA+ DI SEBUAH HOTEL TERBESAR DI SINI.

DALAM UCAPANNYA YANG DIBACAKAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, PERDANA MENTERI TELAH MENYENARAIKAN FAEDAH YANG BOLEH DIDAPATI OLEH WARGA NEGARA MALAYSIA MENERUSI PEMBELIAN BARANGAN KELUARAN TEMPATAN.

+PENGURANGAN BARANG IMPORT YANG KELAK AKAN MENGURANGKAN ALIRAN KELUAR TUKARAN ASING,

+MENINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI PENDUDUK NEGARA INI DI INDUSTRI TEMPATAN, DAN

+MEMPEROLEHI KEMAHIRAN DAN TEKNOLOGI MELALUI PENUBUHAN INDUSTRI BARANGAN.---LAGI

1415MST 04 04 85

MAHATHIR-BELI 2 KUALA LUMPUR

MENERUSI KEMPEN ITU, DR. MAHATHIR MAHU SEMUA PENDUDUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ATAU BARANGAN YANG DIKENDALIKAN OLEH INDIVIDU DAN INSTITUSI TEMPATAN SEPerti INSURANS, PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN, PERKHIDMATAN PROFESIONAL DAN PELANCONGAN DALAM NEGERI.

BELIAU MENINGGATKAN PARA PENGUSAHA BARANGAN TEMPATAN SUPAYA MEREKA TIDAK MENGAMBIL KESEMPATAN DENGAN PENGORBANAN PARA PENGGUNA DALAM MEMBELI BARANGAN BUATAN TEMPATAN TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH BERUSAHA MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PENGELUARAN MEREKA.

PERDANA MENTERI YAKIN DENGAN CARA INI, MEREKA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN YANG BERMUTU, BAHKAN DAPAT JUGA AKHIRNYA MENGENAKAN HARGA YANG BERPATUTAN KEPADA PENGGUNA TEMPATAN.

DENGAN KOS PENGELUARAN YANG BERKURANGAN, MEREKA AKAN DAPAT MEMBERI SAINGAN YANG LEBIH BERMAKNA DAN PADA PERINGKAT INI, PENGORBANAN PARA PENGGUNA NEGARA INI AKAN SEMAKIN BERKURANGAN DAN AKHIRNYA AKAN MEMBERI MANFAAT SEPerti YANG DIHARAPKAN.

BELIAU MERAYU PARA PENGGUNA DAN PARA PENGUSAHA TAMPIL KE MUKA MENJALANKAN SEGALA AKTIVITI DAN PROGRAM UNTUK MENJAYAKAN KEMPEN ITU MEMANDANGKAN KERJASAMA DAN SOKONGAN MEREKA AKAN MENJAMIN PEMBELIAN BARANGAN TEMPATAN MENCAPAI KEJAYAAN DAN MEMBANTU MENJADIKAN NEGARA LEBIH SEJAHTERA.

D665

U B705 AAB

MAHATHIR-BELI 3 KUALA LUMPUR

+KEMPEN INI AMAT PENTING BAGI KITA SEMUA KERANA KEJAYAANNYA AKAN DAPAT MEMBANTU ASPIRASI KITA MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAKMUR, MAJU DAN MEMPUNYAI DAYA KETAHANAN,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN MENGENAI PERSPEKTIF PUSINGAN TABUNGAN YANG BOLEH DIPEROLEHI DARIPADA PEMBELIAN BARANGAN BUATAN TEMPATAN DAN YAKIN SEKIRANYA KEMPEN ITU BERJAYA, TABUNGAN DALAM NEGERI AKAN BERMAKNA BERTERUSAN DI DALAM NEGARA SENDIRI.

INI BERMAKNA PUSINGAN INI AKAN MENGGALAKKAN PENGUSAHA MENGELUARKAN BARANGAN YANG BERMUTU. BARANGAN YANG BERMUTU PULA BUKAN SAHAJA MENGUNTUNGKAN PARA PENGGUNA TEMPATAN TETAPI JUGA MENJADIKAN BARANGAN ITU LEBIH BERSAING BAGI DIEKSPOT.

PERDANA MENTERI BERKATA EKSPORT YANG MENINGKAT PULA BERMAKNA KEUNTUNGAN BAGI PERUSAHAAN TEMPATAN DAN CUKAI PENDAPATAN YANG MENINGKAT BAGI KERAJAAN DAN MANFAATNYA AKAN DAPAT DISALURKAN KEPADA RAKYAT MELALUI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

BELIAU KESAL KERANA NEGARA-NEGARA YANG MEMBANGUN YANG KURANG MAJU DARIPADA SEGI PERINDUSTRIAN DAN YANG TIDAK MEMPUNYAI +ECONOMIES OF SCALE+ DALAM PENGELUARAN MEREKA AKAN MENJADI TUMPUAN BARANGAN LEBIH ATAU TEMPAT LONGGOKAN DENGAN HARGA YANG AMAT MURAH. -- LAGI.

1504MST 04 04 85

MAHATHIR-BELI 4 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, ADA KALANYA NEGARA YANG MAJU SANGGUP MENJUAL BARANGAN DENGAN HARGA YANG TERLALU MURAH SEHINGGA MERUGIKAN, TETAPI KERUGIAN DI SESEBUAH NEGARA MEMBANGUN DAPAT DITAMPUNGI DENGAN KEUNTUNGAN DI TEMPAT LAIN, SAMA ADA DI PASARAN TEMPATAN MEREKA ATAU DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG TIDAK DAPAT MEMBERI SAINGAN ATAS BARANGAN IMPORT MEREKA.

+JURUSTERU ITU, ADA KALANYA TIDAK MUNGKIN BAGI PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN KITA BERSAING DENGAN BARANGAN IMPORT BERIKUTAN AMALAN LONGGOKAN BARANGAN ITU TADI.+

DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN YANG BIASA DIAMBIL OLEH NEGARA KECIL DAN MISKIN UNTUK MELINDUNGI BARANG BUATANNYA IALAH DENGAN MENAIKKAN TARIF IMPORT DAN TINDAKAN SEPERTI ITU AKAN MENYEBABKAN PARA PENGGUNA TEMPATAN TERPAKSA MEMBAYAR HARGA TINGGI BAGI BARANG IMPORT.

MALANGNYA, JELAS BELIAU, BEBEBERAPA UNSUR NEGATIF AKHIRNYA TIMBUL BERIKUTAN DENGAN PERLINDUNGAN SEUMPAMA ITU TERMASUK MENJADIKAN INDUSTRI-INDUSTRI TEMPATAN TIDAK BERKESAN DAN MUTU BARANGAN TIDAK MENINGKAT.

KATANYA, KERAJAAN BERASA SERBA SALAH BAGI MENGHADAPI MASALAH ITU MEMANDANGKAN PERLINDUNGAN DENGAN SENDIRINYA TIDAK BERFAEDAH DALAM TEMPOH JANGKA PANJANG. -- LAGI.

1508MST 04 04 85

MAHATHIR-BELI 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENEKANKAN PERLUNYA PENGELUAR TEMPATAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DARIPADA SEGI MUTU DAN HARGA SEHINGGA PERLINDUNGAN DAPAT DIKURANGKAN, JIKA TIDAK PUN DIHAPUSKAN SAMA SEKALI.

+PENGUSAHA MESTILAH SEDAR AKAN HAKIKAT INI. DALAM USAHA MENINGKATKAN KEUPAYAAN NEGARA DALAM INDUSTRI PEMBUATAN, PENGGUNA TIDAK HARUS DIJADIKAN MANGSA BUAT SELAMA-LAMANYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMBELIAN BARANGAN TEMPATAN YANG MENINGKAT BERMAKNA BERKURANGAN BARANGAN YANG DIIMPORT DAN INI AKAN MENGURANGKAN ALIRAN KELUARAN TUKARAN ASING.

PENGALIRAN KELUAR TUKARAN ASING YANG BERKURANGAN PULA, AKAN MENJADIKAN IMBANGAN BAYARAN NEGARA BERTAMBAH KUKUH.

KATANYA, PEMBELIAN BARANGAN TEMPATAN YANG BERTAMBAH AKAN JUGA MENINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI PENDUDUK NEGARA INI DI INDUSTRI-INDUSTRI TEMPATAN DAN INI MENINGKATKAN PENDAPATAN DAN TARAF HIDUP RAKYAT NEGARA INI.

-- LAGI.

1520MST 04 04 85

U B711 AAB

MAHATHIR-BELI 6 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENGESYORKAN USAHA DIBUAT UNTUK MEMPEROLEHI KEMAHIRAN DAN TEKNOLOGI MELALUI PENUBUHAN INDUSTRI BARANGAN.

MENERUSINYA, BELIAU PERCAYA PEKERJA TEMPATAN BUKAN SAHAJA MENDAPAT KEMAHIRAN TETAPI AKAN DIBERI LATIHAN SELANJUTNYA BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN SESEBUAH KILANG DALAM MENGHASILKAN BARANGAN MEREKA.

DENGAN ADA KEMAHIRAN DAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN, BARULAH NEGARA DAPAT MENGELUARKAN BARANGAN DENGAN CEKAPNYA TERUTAMA UNTUK DIEKSPORT.

+EKSPORT YANG MENINGKAT BERMAKNA KEUNTUNGAN BAGI PERUSAHAAN TEMPATAN DAN CUKAI PENDAPATAN YANG MENINGKAT BAGI KERAJAAN DAN MANFAATNYA AKAN DAPAT DISALURKAN KEPADA RAKYAT MELALUI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN,+ TAMBAHNYA.

--BERNAMA